



## **SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI PENDAFTARAN BADAN SUKAN**

### **1. Apakah yang dimaksudkan dengan badan sukan?**

Merujuk seksyen 2 Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*], badan sukan ertinya sesuatu persatuan, kelab atau pertubuhan yang bertindak sebagai badan pengelola atau badan perwakilan suatu sukan di Malaysia sama ada di peringkat daerah, Negeri atau kebangsaan, sama ada atau tidak persatuan, kelab atau pertubuhan itu hanyalah anggota gabungan bagi persatuan, kelab atau pertubuhan yang lain.

### **2. Bagaimanakah cara untuk mendaftarkan badan sukan?**

Permohonan boleh dibuat menerusi Sistem Pendaftaran Badan Sukan Elektronik atau *Electronic Registration of Sports Association* (eROSA) yang boleh dicapai melalui pautan <https://erosa.kbs.gov.my>.

### **3. Apakah dokumen yang diperlukan bagi tujuan pendaftaran badan sukan?**

Pemohon perlu memuat naik dokumen-dokumen berikut:

- i. Borang Permohonan – Borang 1;
- ii. Minit Mesyuarat Penaja;

- iii. Maklumat Senarai Jawatankuasa Penaja;
- iv. Perlembagaan Badan Sukan;
- v. Perakuan dua (2) pemegang jawatan utama badan sukan; dan
- vi. Surat pengesahan ahli badan gabungan daripada badan pengelola peringkat antarabangsa atau kebangsaan atau negeri atau daerah (mana yang berkaitan).

**4. Bagaimanakah untuk menetapkan nama badan sukan?**

- i. penetapan suatu nama badan sukan hendaklah mewakili satu (1) jenis sukan sahaja dan merujuk kepada suatu peringkat sama ada kebangsaan, negeri, daerah atau kelab;
- ii. penggunaan nama hendaklah tidak menyentuh sensitiviti kaum, agama, bangsa, jantina, ras, etnik, atau kecenderungan ideologi, atau sesuatu yang boleh menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan keharmonian serta perpaduan; dan
- iii. perkataan nama khas yang merujuk kepada suatu tempat khusus, individu, atau gelaran tertentu adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak yang bertanggungjawab.

**5. Apakah jenis peringkat dan syarat-syarat yang diperlukan semasa pendaftaran badan sukan?**

Pendaftaran badan sukan meliputi empat (4) peringkat iaitu peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan kelab. Berikut adalah syarat-syarat yang diperlukan:

- i. **Peringkat Kebangsaan** – mana-mana badan sukan yang memohon didaftarkan sebagai badan sukan di peringkat kebangsaan, hendaklah memenuhi perkara-perkara seperti berikut:
  - a. mempunyai gabungan sekurang-kurangnya enam (6) buah badan sukan di peringkat negeri sebagai ahli gabungan yang sah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan; atau tertakluk kepada kelulusan bersyarat Pesuruhjaya Sukan;
  - b. ahli gabungan hendaklah terdiri daripada badan sukan yang menjalankan aktiviti sukan yang sama;
  - c. ahli jawatankuasa penaja hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada enam (6) wakil atau lebih daripada di kalangan ahli gabungan di peringkat negeri yang sah berdaftar di bawah Akta 576;
  - d. pemegang jawatan penaja mestilah tidak berstatus mufliis atau tidak pernah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dan dihukum dengan hukuman denda tidak kurang daripada RM2,000.00, atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun; dan
  - e. mendapat pengiktrafan/ pengesahan ahli gabungan daripada badan induk peringkat antarabangsa bagi suatu sukan yang diwakilinya.
- ii. **Peringkat Negeri** - mana-mana badan sukan yang memohon didaftarkan sebagai badan sukan peringkat negeri, hendaklah memenuhi perkara-perkara seperti berikut:
  - a. mempunyai gabungan sekurang-kurangnya tiga (3) buah badan sukan di peringkat daerah sebagai ahli gabungan yang sah berdaftar dengan

Pejabat Pesuruhjaya Sukan; atau tertakluk kepada kelulusan bersyarat Pesuruhjaya Sukan;

- b. ahli gabungan hendaklah terdiri daripada badan sukan yang menjalankan aktiviti sukan yang sama;
  - c. ahli jawatankuasa penaja hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tiga (3) wakil atau lebih, daripada ahli gabungan di peringkat daerah yang sah berdaftar di bawah Akta 576;
  - d. pemegang jawatan penaja mestilah tidak berstatus muflis atau tidak pernah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dan dihukum dengan hukuman denda tidak kurang daripada RM2,000.00 atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun; dan
  - e. mendapatkan pengiktirafan/ pengesahan ahli gabungan daripada badan induk di peringkat kebangsaan.
- iii. **Peringkat Daerah** - mana-mana badan sukan yang memohon didaftarkan sebagai badan sukan peringkat daerah, hendaklah memenuhi perkara-perkara seperti berikut:
- a. mempunyai gabungan sekurang-kurangnya tiga (3) buah badan sukan di peringkat kelab sebagai ahli gabungan yang sah berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan; atau tertakluk kepada kelulusan bersyarat Pesuruhjaya Sukan;
  - b. ahli gabungan hendaklah terdiri daripada badan sukan yang menjalankan aktiviti sukan yang sama;

- c. ahli jawatankuasa penaja hendaklah terdiri daripada seorang wakil atau lebih wakil daripada ahli gabungan di peringkat kelab yang sah berdaftar di bawah Akta 576;
  - d. pemegang jawatan penaja mestilah tidak berstatus mufliis atau tidak pernah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dan dihukum dengan hukuman denda tidak kurang daripada RM2,000.00 atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun; dan
  - e. mendapatkan pengiktirafan/ pengesahan ahli gabungan daripada badan induk di peringkat negeri.
- iv. **Peringkat Kelab** - mana-mana badan sukan yang memohon didaftarkan sebagai badan sukan peringkat kelab, hendaklah memenuhi perkara-perkara seperti berikut:
- a. mempunyai sekurang-kurangnya tujuh (7) orang ahli;
  - b. tujuan penubuhan adalah untuk ahli individu;
  - c. pemegang jawatan penaja mestilah tidak pernah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dan dihukum dengan hukuman denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun. Pemegang jawatan penaja tidak berstatus mufliis; dan
  - d. pemegang jawatan penaja mestilah tidak berstatus mufliis atau tidak pernah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dan dihukum dengan hukuman denda tidak kurang daripada

RM2,000.00 atau peminjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun.

*\* bagi pendaftaran badan sukan yang tidak mempunyai badan gabungan atau masih belum mempunyai badan gabungan, KELULUSAN BERSYARAT boleh diberikan dan badan sukan hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan dalam tempoh 24 bulan.*

**6. Bolehkah saya mendaftarkan kelab sukan yang bertaraf akademi atau syarikat?**

**TIDAK.** Seksyen 2 Akta 576 memperuntukkan syarikat mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan termasuklah “perbadanan” sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu. Hanya badan sukan seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta yang boleh didaftarkan di bawah Akta 576.

**7. Bagaimanakah untuk menyemak status permohonan badan sukan?**

Pemohon boleh menyemak status permohonan melalui sistem eROSA dengan menggunakan ID yang sama semasa permohonan pendaftaran dan tiada tambahan fi dikenakan semasa proses semakan.

**8. Berapakah tempoh yang diambil untuk meluluskan setiap permohonan?**

Kelulusan pendaftaran adalah dalam tempoh **14 HARI** sekiranya semua dokumen yang disertakan adalah lengkap dan mematuhi semua syarat selaras dengan seksyen 11 Akta 576 dan Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bil. 1 Tahun 2021.

9. **Apakah kesan jika pemohon tidak menjawab kuiru bagi permohonan yang dibuat?**

Jika pemohon tidak menjawab kuiru yang dibuat oleh pegawai proses dalam tempoh **45 hari**, permohonan akan **TERBATAL** atau **DITOLAK** secara automatik.

10. **Apakah yang perlu dilakukan oleh badan sukan sekiranya Perakuan Pendaftaran telah hilang?**

Badan sukan hendaklah membuat laporan polis tentang kehilangan Perakuan Pendaftaran dan salinan laporan tersebut hendaklah dikemukakan bersama permohonan salinan perakuan yang baharu kepada PJS untuk diproses.

11. **Sekiranya saya mempunyai masalah berhubung penggunaan sistem eROSA melibatkan pendaftaran badan sukan, di manakah saya boleh merujuk?**

**Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia**

Ibu Pejabat : 03 8994 4800  
Rantau Sabah : 088-762 232/ 088- 764 232  
Rantau Sarawak : 082-237 675  
E-mel : pps\_hq@kbs.gov.my  
Portal : <http://pps.kbs.gov.my>

**DIKELUARKAN OLEH:**

**PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**25 JULAI 2022**